

29 SEP 2003

INVENTQJAYA-RAKAN KONGSI/I

IQJ CARI RAKAN KONGSI UNTUK MEMPERDAGANGKAN TEKNOLOGI SEMPADAN

CYBERJAYA, 29 Sept (Bernama) -- InventQjaya Sdn Bhd (IQJ) sedang mencari rakan kongsi untuk memperdagangkan "teknologi sempadannya" yang telah siap tersedia, kata pengerusi dan ketua pegawai eksekutifnya, Dr Sadeq Mustafa Faris, hari ini.

"Kami memerlukan pelabur dan rakan kongsi yang boleh menggunakan teknologi kami untuk mengeluarkan produk yang direka oleh syarikat kami," katanya.

IQJ, usaha sama antara kerajaan Malaysia dan Reveo Inc dari AS, merupakan sebuah makmal penyelidikan dan pembangunan (R&D) mega yang ditubuh untuk mempercepatkan inovasi ekonomi pengetahuan bertaraf dunia bagi Malaysia.

Lapan teknologi dipindahkan oleh Reveo kepada IQJ sebagai tanda muhibbah sejak membina makmalnya di sini pada Januari tahun ini.

Dr Sadeq, pengerusi, presiden dan CEO Reveo Inc. berkata IQJ sedang mengadakan perbincangan dengan banyak ahli perniagaan tetapi hubungan perniagaan mengambil masa yang agak lama untuk dipupuk.

"Kami mempunyai empat produk yang boleh diperdagangkan dengan segera. Ia termasuklah sel bahan api logam tidak mudah terbakar dan bateri yang menyediakan penyelesaian tenaga inovatif bagi kemanusiaan dan LuxVu Electronically Switchable Window - tabir elektronik bagi era elektronik dan dibuat daripada kristal cecair kolesterik (CLC).

"Dua lagi produk lain adalah oksigen bagi akuakultur dan sel bahan api pengelektrikan luar bandar," katanya kepada pemberita selepas taklimat media mengenai teknologi IQJ, di sini, hari ini.

Dr Sadeq berkata rekaan lain termasuklah pigmen pintar - pigmen pintar CLC inovatif pertama di dunia yang dibuat daripada kristal cecair kolesterik; storan optikal densiti ultra tinggi; pengawaasinan AquaRaya, penyelesaian kos rendah kepada pengawaasinan air laut dan lain-lain.

Dr Sadeq berkata misi IQJ adalah untuk mereka dan menginovasi bagi Malaysia. Kami akan meletakkan kedudukan IQJ di seluruh dunia sebagai satu tempat untuk dikunjungi dan menjalankan penyelidikan dan mewujudkan industri baru bagi mengeksport ke seluruh dunia."

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan makmal canggih baru IQJ itu di sini, pada 11 Oktober. -- BERNAMA

TNS SHY ZK